

27 JUL 1997

Pintar-Asean

ASEAN BOLEH GUNA PERKONGSIAN PINTAR ATASI SPEKULASI MATAWANG

Oleh: Michael Raj

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya anggota-anggota Asean berganding bahu dalam menentang dalang-dalang yang menyebabkan kejatuhan matawangnya boleh menjadi contoh baik perkongsian pintar.

Tan Sri Tajudin Ramli, pengerusi bersama Majlis Penasihat Antarabangsa bagi Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97) berkata kerjasama seperti itu akan membawa manfaat jika ia dilaksanakan dengan berkesan.

Serangan spekulatif terhadap matawang Asean sejak tiga minggu kebelakangan ini menyebabkan nilainya berkurang dengan ketara berbanding dolar Amerika dan matawang-matawang utama lain di dunia.

Tajudin menyatakan rasa kesalnya yang dalang-dalang itu hanya melihat sebahagian daripada ekonomi untuk menyerang matawang seperti di Malaysia, sedangkan di sebaliknya ekonomi negara masih mantap.

"Seluruh sistem ekonomi saling berkait...kita tidak boleh memandang setiap bahagian secara berasingan," kata beliau semasa memberi taklimat sebelum LID '97 yang dijangka dirasmikan oleh Dr Mahathir malam esok.

Beliau berkata, LID '97 dengan tema "Perkongsian Pintar Dalam Tindakan" akan menumpukan kepada empat bidang utama -- pengalaman syarikat dan antara syarikat, rangka kerjasama merentasi sempadan kebangsaan, teknologi bagi ekonomi-ekonomi membangun dan teknologi dalam perkhidmatan kewangan.

LID '97 akan dibahagikan kepada pelbagai sesi dialog yang kebanyakannya sesi tertutup antara ketua-ketua kerajaan dan tokoh-tokoh korporat untuk membentangkan idea dan mencari jalan bersama dalam bergerak ke depan dan untuk jangka panjang.

Dr Mahathir sendiri akan mengendalikan sesi mengenai "Teknologi Bagi Ekonomi-ekonomi Yang Berkembang Pesat" dan juga forum dialog yang akan menekankan jalan ke hadapan bagi perkongsian pintar berdasarkan kepada hasil perbincangan sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyampaikan ucapan dasar pada majlis makan malam bagi peserta pada malam Selasa sementara Penasihat Ekonomi Kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin akan mempengerusikan sesi mengenai segitiga pertumbuhan dengan menyampaikan input berguna mengenai pengalaman Malaysia dalam segitiga pertumbuhan serantau.

Tajudin berkata Anwar yang juga Menteri Kewangan, kemungkinan besar akan menjelaskan bagaimana perkongsian pintar berfungsi melalui rundingan antara kerajaan dan sektor swasta dalam merumuskan belanjawan tahunan.

Tajudin juga berkata, penyertaan yang agak besar kali ini khasnya dari negara-negara di selatan benua Afrika adalah kerana berhasilnya perkongsian kecil dalam konteks serantau di negara-negara itu dan juga kerana mereka melihat Malaysia sebagai model yang berjaya dalam penswastaan.

Beliau berkata, dasar Malaysia menghalang syarikat-syarikat yang diswastakan daripada membuang pekerja telah menarik minat negara-negara di Selatan Sahara untuk mencari jalan mengamalkan dasar yang sama . -- BERNAMA

MR PR